



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “HUFUZ PROFESIONAL: MENGIMBANGI KEPAKARAN DUNIAWI”

14 Februari 2025 / 15 Syaaban 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Jemaah yang dirahmati Illahi,**

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa. Bersempena sambutan ‘Majlis Hafazan dan Tilawah Al-Quran Negeri Perak 1446 Hijrah’ yang akan berlangsung pada 17 hingga 19 Februari, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

### “HUFUZ PROFESIONAL: MENGIMBANGI KEPAKARAN DUNIAWI”

Firman Allah SWT, ayat 29 surah Sad:

﴿ كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٢٩﴾ ﴾

Bermaksud: Al-Quran ini Kami turunkan kepadamu dan (umat mu wahai Muhammad), kitab yang penuh dengan keberkatan agar mereka menghayati kandungan ayat-ayatnya dan agar orang yang berakal sehat dapat mengambil iktibar.

Istilah ‘*hufaz*’ merujuk kepada golongan yang menghafal 30 juzuk al-Quran. Di Malaysia, lazimnya, mereka dikenali dengan gelaran “al-Hafiz”; insan yang diharapkan menjadi sumber daya insani pada masa hadapan. ‘Hufaz Profesional’ merujuk kepada golongan yang di samping menghafal al-Quran, turut memiliki kemahiran dan kepakaran

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



dalam bidang-bidang profesional seperti pendidikan, perubatan, kejuruteraan, seni bina, ekonomi, teknologi, perundangan, keusahawanan dan sebagainya.

Kemuliaan dan kesucian al-Quran akan terus kekal terpelihara merentasi zaman berpandukan jaminan Allah SWT seperti yang difirmankan dalam surah al-Hijr ayat 9,

﴿ إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾ ﴾

Bermaksud: "Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan sesungguhnya Kamilah yang memeliharanya".

Para ilmuwan tafsir menyifatkan kesucian ayat-ayat al-Quran akan terpelihara dalam dada-dada para penghafal al-Quran. Maha Suci Allah SWT, menciptakan al-Quran mengandungi 114 surah, 6236 ayat, 77,439 kalimah dan 323,371 huruf, disusun dalam 30 juzuk; mudah dibaca dan boleh dihafal.

Rasulullah SAW menggambarkan kemuliaan para penghafal al-Quran melalui sabda Baginda:

إِنَّ لِلَّهِ أَهْلِينَ مِنَ النَّاسِ. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ هُمْ؟ قَالَ: هُمْ أَهْلُ الْقُرْءَانِ, أَهْلُ  
اللَّهِ وَخَاصَّتُهُ

Bermaksud: "Sesungguhnya bagi Allah terdapat ahli Nya dalam kalangan manusia. Mereka bertanya, hai Rasulullah siapakah mereka? Jawab Baginda SAW, mereka ialah ahli al-Quran, *ahlullah* dan yang diistimewakannya." (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Ilmuwan Islam menjelaskan bahawa perkataan *ahlullah* menggambarkan kemuliaan dan keistimewaan para penghafaz al-Quran yang mengamalkan dan berakhlak al-Quran.

### **Jemaah yang dikurniai rahmat Ilahi**

Melalui 'Dasar Pendidikan Tahfiz Negara', Kerajaan menyasarkan untuk melahirkan 125 ribu hufaz profesional menjelang tahun 2050 melalui pelbagai institusi tahfiz di seluruh negara. Telah terbukti, para pelajar yang menghafal al-Quran, turut berupaya mencapai kecemerlangan dalam bidang-bidang akademik, kemahiran, kokurikulum dan kepimpinan. Maahad Tahfiz Negeri Pahang sebagai contoh, telah diumumkan, sekolah yang mencapai keputusan terbaik peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)



tahun 2023. Berkat mukjizat al-Quran serta kejernihan hati, kemahiran teknik menghafal yang dimiliki oleh para hufaz, telah membina daya kekuatan ingatan, hatta memudahkan mereka untuk memahami dan mengingati ilmu yang dipelajari. Sesungguhnya para hufaz hendaklah dididik dengan kaedah yang bijak, diberi pendedahan dalam pelbagai bidang profesional agar mereka menjadi khazanah bernilai, berperanan sebagai sumber tenaga pakar yang produktif lagi berharga kepada negara dan dunia.

Dalam menghadapi dunia yang semakin mencabar, umat Islam perlu mempunyai keseimbangan antara ilmu agama dan pengetahuan duniawi. Pada awal khutbah, khatib telah membacakan ayat 29 surah Sad; ahli tafsir *al-Syaukani* mentafsirkan bahawa al-Quran bukan sekadar perlu dibaca dan dihafal, lebih dari itu al-Quran mesti *ditadabbur* – difahami maknanya, dihayati, dijadikan panduan mengatur urusan kehidupan manusia agar mendapat redha Illahi.

### **Jemaah yang dilimpahi barakah Illahi**

Kelebihan dan kepentingan hufaz profesional dalam kehidupan masyarakat Islam diringkaskan kepada tiga perkara:

**Pertama: Mengharmonikan ilmu wahyu dan ilmu akal** – Hufaz profesional berperanan mengharmonikan antara ilmu wahyu dan ilmu akal dengan nilai-nilai Islam. Gabungan hafalan al-Quran dan kemahiran profesional bukan sekadar menjadikan mereka agamawan, tetapi turut berperanan sebagai pemimpin dan contoh teladan dalam pelbagai bidang; khususnya apabila mereka berupaya menjelmakan keindahan al-Quran, lalu menerapkan semangat al-Quran dalam profesion masing-masing. Umpamanya doktor yang hafiz al-Quran, akan mengamalkan etika perubatan berlandaskan Islam, berniat untuk membantu pesakit dan bukannya untuk mengaut keuntungan dengan mengenakan bayaran tinggi atas penderitaan dan tanggungan berat pesakit dan keluarga pesakit; hakim yang hafiz al-Quran akan mengadili sesuatu kes dengan ketelitian serta menjatuhkan hukuman dengan keadilan tanpa memihak kepada yang bersalah walaupun yang bersalah berdarjat tinggi dan berjawatan besar; peguam yang hafiz akan takut kepada Allah SWT dan tidak mencipta pelbagai helah untuk membebaskan seseorang penjenayah dengan merasuah saksi hingga saksi sedia berdusta daripada berkata benar; peniaga yang hafiz, tidak akan mengaut untung berlebihan secara menipu pembeli dan pelanggan, dan pemimpin yang hafiz akan mengamalkan sifat jujur, ikhlas dan amanah



dan tidak akan melakukan rasuah, menyalah guna kuasa atau bersifat munafik, lain yang dikata lain pula yang dilakukan.

**Kedua: Meningkatkan kualiti ummah** - Para hufaz yang menguasai kemahiran profesional berupaya menyerlahkan imej Islam yang cemerlang dan bertenaga di mata dunia; membuktikan bahawa Islam bukan agama yang jumud, tetapi agama yang mendorong kemajuan dan kecemerlangan, merangkumi kejayaan dunia dan kesejahteraan akhirat.

**Ketiga: Menerokai dan menghayati mutiara berharga yang terkandung dalam al-Quran:** Para hufaz yang dalam dada mereka tersemat ayat-ayat suci al-Quran perlu menerokai kemukjizatan al-Quran dengan menyelidiki, menyelami, mengkaji, dan menghalusi maksud yang terkandung dalam al-Quran – menghayati falsafah yang tersurat dan tersirat di sebalik firman Ilahi; untuk diamalkan ketika menyempurnakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Alhamdulillah, minat untuk menghafal al-Quran semakin meningkat berdasarkan pengajian tahfiz yang semakin berkembang dan semakin mendapat sambutan. Hufaz profesional memiliki kelebihan yang istimewa dalam kerjaya dan kehidupan, berupaya mengimbangi kepakaran duniawi seiring matlamat ukhrawi yang dapat memberikan manfaat besar kepada masyarakat. Ummah digalakkan menghafal al-Quran sedaya mampu dengan menumpukan surah-surah sederhana ringkas seperti surah Yasin, al-Mulk, Ar-Rahman, al-Waqiah, bermulalah dengan berusaha menghafal surah-surah lazim; agar kehidupan dilimpahi rahmat dan keberkatan Ilahi, berkat ayat suci al-Quran yang tersemat di dada.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَاَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَاَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Munzil al-Quran!** bimbing kami dan keluarga kami untuk membaca, memahami dan menghafal al-Quran, menghayati dan mengamalkannya dan menjadikannya sebagai panduan hidup. Anugerahkan kami keturunan yang menghafal al-Quran, lalu mengamalkannya dan menzahirkan kemukjizatan al-Quran dalam kehidupan. Berkati kehidupan kami dengan al-Quran, sinari jiwa-jiwa kami dengan nur al-Quran,

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



lapangkan kubur kami dengan al-Quran, ampuni dosa-dosa kami dengan al-Quran, tingkatkan darjat kami di dunia dan di syurga Mu dengan al-Quran.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،  
وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ﴾.

## **KEPADA KHATIB / IMAM BERTUGAS**

### **PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT 14 FEBRUARI 2025**

#### ***“PROGRAM JOM KE SEKOLAH TAHUN 2025”***

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Sidang Jemaah yang dimuliakan

Di sini ada satu pengumuman yang akan saya kongsi, berkenaan program “JOM KE SEKOLAH”. Seperti sedia maklum, pada 17 Februari ini akan bermula sesi persekolahan bagi tahun 2025. Kehadiran anak-anak ke sekolah amat penting demi kebaikan masa hadapan agama, bangsa dan negara. Kehadiran mereka ke sekolah menyerlahkan tanda kesungguhan terhadap pembelajaran dengan hasrat ingin melakar kecemerlangan dalam kehidupan, menjadi insan yang berpengetahuan dan berakhlak mulia.

Namun, rekod menunjukkan negeri Perak masih berada di bawah pencapaian kebangsaan bagi prestasi kehadiran murid ke sekolah. Isu ketidakhadiran anak-anak ke sekolah terutama sekolah harian perlu diberi perhatian oleh ibu bapa dan penjaga. Peranan ibu bapa amat penting bagi memastikan pembelajaran anak-anak di sekolah berlangsung dengan sempurna.

Bagi memastikan anak-anak hadir ke sekolah, disyorkan kepada ibu bapa dan penjaga untuk mengambil beberapa langkah berikut:

**Pertama:** Pantau kehadiran – sentiasa memeriksa jadual harian anak-anak dan pastikan mereka bersiap sedia untuk ke sekolah setiap pagi.

**Kedua:** Berkomunikasi dengan guru – sentiasa berhubung dengan guru-guru untuk mengetahui kehadiran dan prestasi anak-anak di sekolah.

**Ketiga:** Berikan sokongan emosi – sentiasa beri galakan, sokongan dan dorongan kepada anak-anak untuk menghadiri ke sekolah dan menuntut ilmu dengan tekun.

**Keempat:** Tetapkan rutin harian – bantu anak-anak menetapkan rutin harian yang seimbang antara waktu belajar, bermain dan berehat agar mereka berupaya menjalani rutin yang berfaedah dan teratur.

Ingatkan anak-anak bahawa ilmu dan adab adalah kunci kejayaan. Tidak ada jalan pintas untuk seseorang mencapai kejayaan melainkan ilmu dan pengalaman yang diperolehi dengan sabar dan tekun. Semoga anak-anak kita semua bersemangat dan bersungguh hadir ke sekolah seterusnya mencapai kecemerlangan baik dalam bidang akademik, sahsiah dan kokurikulum.